

1MDB sangkal dakwaan China bayar hutang
Free Malaysia Today
Dec 8, 2016
Minderjeet Kaur

Pengerusi 1MDB menegaskan tidak mengetahui langsung wujudnya perbincangan dengan China untuk membantu 1MDB membuat pembayaran kepada Ipic.

KUALA LUMPUR: Pengerusi 1Malaysia Development Berhad Tan Sri Irwan Serigar Abdullah menafikan laporan Financial Times yang China akan membantu 1MDB dalam membuat pembayaran balik kepada International Petroleum Investment Company (Ipic).

Irwan berkata: "Saya adalah pengerusi. Tiada siapa yang cakap kepada saya. Tiada siapa bercakap kepada pihak China," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Keusahawanan Komuniti Global hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai artikel semalam di Financial Times yang China membantu Malaysia dengan pembayaran itu.

Laporan itu dikeluarkan di tengah pertikaian hutang AS\$6.5 bilion antara 1MDB dan syarikat kewangan milik kerajaan Abu Dhabi.

Menurut Financial Times, 3 individu yang mengetahui perkara itu berkata, China dijadikan sumber dana bagi 1MDB.

Ia menambah, satu sumber memberitahu akhbar itu yang Malaysia akan melakukan pertukaran aset bagi pembiayaan itu.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/12/08/1mdb-sangkal-laporan-financial-times/>